

Perkenal kursus baharu TVET berkaitan EV dan Solar – TPM

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT – Kursus baharu membabitkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berkaitan kenderaan elektrik (EV) dan tenaga solar akan diperkenalkan terutama di Negeri Melaka bagi memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja yang semakin meningkat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah memperkenalkan kursus itu susulan Melaka mendapat permintaan tinggi daripada pelabur untuk tenaga boleh diperbaharui (RE)

Katanya, ia juga selari dengan dasar Kerajaan Negeri Melaka yang kini memberi fokus kepada teknologi tersebut.

“Kursus ini merupakan peluang terbaharu ditawarkan Melaka sesuai dengan permintaan guna tenaga sumber manusia dan tenaga boleh diperbaharui serta pekerjaan berteknologi tinggi.

“Bukan sahaja pelabur akan datang ke Melaka, tetapi pelabur dari negeri lain mungkin perlukan tenaga yang sama. Jadi bidang TVET ini boleh diperkasakan di Negeri Melaka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pejabat UMNO Bahagian



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Tangga Batu, di sini, pada Ahad.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh merangkap Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri; Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki selain Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tem-

patan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin merangkap Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman.



PELAJAR Teknologi Kejuruteraan Automotif Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah Nurul Antasya Mohd Som, 20, melihat kenderaan elektrik sempena Program Symposium 2.0 "An Exposure To Electric Vehicle Safety Awareness". Foto Iqmal Haqim Rosman (Gambar hiasan)

Mengulas lanjut, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, peruntukan RM6.8 bilion juga akan digunakan untuk menaik taraf institusi TVET di seluruh negara.

“Ia bertujuan untuk menambah jumlah pelajar bagi mengikuti

kursus-kursus baharu yang akan diperkenalkan,” katanya.

Untuk rekod, Malaysia kini mempunyai 1,334 institusi TVET di seluruh negara membabitkan 12 kementerian yang memfokuskan dalam memberi latihan kemahiran kepada rakyat.